

45/1  
Pendidikan  
Islam  
Kertas 1  
Ogos  
2012  
2 jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR  
SELARAS NEGERI PERAK  
TAHUN 2012

---

---

PENDIDIKAN ISLAM

Dua jam

---

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

**ARAHAN**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Jawab satu soalan daripada Bahagian A dan semua soalan daripada Bahagian B. Kesemua lima soalan mesti dijawab.*
3. *Soalan hendaklah dijawab pada kertas yang disediakan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

**Bahagian A**  
[20 markah]

Bahagian ini mengandungi **dua** soalan. Jawab **satu** soalan sahaja.

1 (a) Firman Allah SWT:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ  
وَالثَّمَرَاتِ وَدَشِيرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا  
إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاغِبُونَ ﴿١٥٦﴾  
( سورة البقرة : 155-156 )

Ayat di atas menjelaskan tentang musibah yang diturunkan oleh Allah SWT kepada makhlukNya.

- (i) برداسرکن اية دأتس ، پاتاکن فغرتین کلمة یغ برکاریس. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** jenis musibah Allah SWT kepada manusia. [2 markah]
- (iii) Apakah lafaz yang perlu diucapkan oleh seseorang apabila ditimpa musibah? [2 markah]
- (iv) Jelaskan **dua** sebab Allah SWT menguji manusia dengan musibah. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي بَكْرٍ ، عَنِ النَّبِيِّ قَالَ : أَعْدُ عَالِمًا أَوْ مُتَعَلِّمًا أَوْ مُسْتَمِعًا  
أَوْ مُحِبًّا وَ لَا تَكُنْ الْخَامِسَةَ فَتُهْلِكَ  
( رواه الطبراني )

Hadis di atas menggalakkan orang Islam menuntut dan mencintai ilmu.

- (i) Namakan **dua** contoh ilmu yang perlu dikuasai pada masa kini. [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah anda menunjukkan kecintaan kepada ilmu? [2 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** faedah menuntut ilmu. [2 markah]

- (c) Tulis semula rangkai kata yang bergaris mengikut nombor dalam petikan di bawah dalam tulisan jawi.

( i )  
Pelajar yang bersifat ihsan akan sentiasa melakukan sesuatu amalan  
 ( ii )  
dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh. Mereka akan sentiasa memastikan  
 ( iii ) ( iv )  
sesuatu yang diusahakan itu memberi faedah kepada diri dan orang lain.

[4 markah]

- 2 (a) Firman Allah SWT:

تُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُؤَلِّجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَمِيتِ وَتُخْرِجُ الْمَمِيتَ مِنَ الْحَيِّ وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٢٧﴾  
 ( سورة آل عمران: 27 )

Ayat di atas menjelaskan bahawa semua kejadian alam mengikut sunnatullah.

- (i) برداسرکن ایه دأتس ، پاتاکن فُغرتین کلمة یغ برکاریس. [2 markah]
- (ii) Apakah maksud sunnatullah? [2 markah]
- (iii) Senaraikan **dua** tanda kekuasaan Allah SWT berdasarkan ayat di atas selain daripada kejadian siang dan malam. [2 markah]
- (iv) Sebagai seorang pelajar, jelaskan **dua** cara anda mengisi masa lapang pada waktu siang. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ (ص)  
 يَقُولُ: مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ  
 فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ .  
 ( رواه مسلم )

Hadis di atas menjelaskan tentang tanggungjawab mukmin dalam mencegah kemungkaran.

- (i) Nyatakan **dua** cara mencegah kemungkaran selain daripada hati. [2 markah]
- (ii) Jelaskan peranan hati dalam mencegah kemungkaran. [2 markah]
- (iii) Apakah yang akan berlaku kepada masyarakat sekiranya kemungkaran dapat dihapuskan? [2 markah]
- (c) Tulis petikan di bawah dalam tulisan jawi.

Seseorang yang mencontohi Rasul sudah tentu akan memiliki sifat-sifat terbaik yang akan memberikan kelebihan kepadanya dalam melakukan aktiviti seharian seperti bertanggungjawab, tabah dan kuat berusaha.

[4 markah]


**Bahagian B**

[80 markah]

Jawab **semua** soalan

- 3 (a) Al-Rahman dan Al-Rahim ialah sifat Asma' Al-Husna.

Firman Allah SWT:



- (i) Senaraikan **dua** bukti Allah SWT bersifat Al-Rahman. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** ciri amalan yang bercanggah dengan sifat Al-Rahman. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara sifat Al-Rahman dengan Al-Rahim. [4 markah]
- (b) Asas Akidah Islamiah ialah Iman, Islam dan Ihsan.
- (i) Apakah maksud Ihsan? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** usaha anda menghayati sifat tersebut. [4 markah]
- (c) Syafaat ialah permohonan para nabi dan orang soleh kepada Allah SWT untuk kebaikan manusia di akhirat kelak.
- (i) Nyatakan **dua** golongan yang layak menerima syafaat. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** hikmah Allah SWT mengadakan syafaat. [4 markah]
- 4 (a) Samak ialah menyucikan kulit binatang selain anjing dan babi dengan menggunakan alat tertentu.
- (i) Senaraikan **dua** alat yang boleh digunakan untuk menyamak kulit binatang. [2 markah]
- (ii) Nyatakan cara menyamak kulit binatang. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** faedah menyamak kulit binatang. [4 markah]

- (b) Umat Islam dituntut memeriahkan sambutan Aidil Fitri dan Aidil Adha dengan mengerjakan amalan-amalan sunat.
- (i) Senaraikan **dua** amalan yang sunat dilakukan pada pagi hari raya. [2 markah]
- (ii) Jelaskan kepentingan takbir hari raya. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara solat hari raya dengan solat Jumaat. [4 markah]

(c) **Soalan 4 (c) (i) hingga 4 (c) (iv)**

Makruh	Harus	Wajib	Haram	Sunat
--------	-------	-------	-------	-------

Jadual 1

Berdasarkan Jadual 1 di atas, nyatakan hukum bagi situasi berikut:

- (i) Hassan mendahulukan solat Isyak daripada solat Maghrib ketika melaksanakan solat jamak takhir. [1 markah]
- (ii) Aminah merasa makanan dengan hujung lidah ketika berpuasa. [1 markah]
- (iii) Umar membayar zakat fitrah setelah terbenam matahari 1 Syawal. [1 markah]
- (iv) Khatib memegang tongkat semasa membaca khutbah. [1 markah]

- 5 (a) Pembukaan Kota Mekah merupakan satu kejayaan ke arah memperkasakan Islam di muka bumi ini.
- (i) Senaraikan **dua** panglima Islam yang telah membantu Rasulullah SAW dalam peristiwa tersebut. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** strategi kejayaan Rasulullah SAW dalam operasi tersebut. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** tindakan Rasulullah SAW sebaik sahaja menawan Kota Mekah. [4 markah]
- (b) Abu Hurairah merupakan sahabat Rasulullah SAW yang terkenal dalam bidang hadis.
- (i) Apakah nama beliau sebelum Islam? [2 markah]
- (ii) Jelaskan faktor yang mendorong beliau menjadi seorang tokoh hadis yang terkenal. [2 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** sikap beliau yang boleh dicontohi dalam menuntut ilmu. [2 markah]


(c) Soalan 5 (c) (i) dan 5 (c) (ii)


رَحْمَةً	كُرْسِيُّهُ	هَدَيْتَنَا	عَلِمِهِ	قُلُوبَنَا	حِفْظُهُمَا
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)

Jadual 2

Berdasarkan Jadual 2, isi tempat kosong di bawah dengan jawapan yang betul. Anda dikehendaki menulis nombor jawapan sahaja.

(i)


وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ (A) إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ (B)  وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ


السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا يُؤْدُهُ (C) 

( سورة البقرة : 255 )

[3 markah]

(ii)

رَبَّنَا لَا تُرِغْ (D) بَعْدَ إِذْ (E) وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ 

(F) إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ 

( سورة آل عمران : 8 )

[3 markah]

- 6 (a) Islam mewajibkan setiap mukmin menjaga adab bergaul dengan keluarga untuk menjamin keharmonian dan kesejahteraan keluarga.
- (i) Apakah maksud keluarga? [2 markah]
  - (ii) Huraikan **dua** adab pergaulan ketika bersama keluarga menurut Islam. [4 markah]
  - (iii) Jelaskan **dua** akibat tidak menjaga adab berkeluarga terhadap individu. [4 markah]
- (b) Ibadat ialah bukti ketundukan seorang hamba kepada penciptaNya. Nyatakan bahagian ibadah beserta contoh. [4 markah]
- (c) Matlamat hidup orang yang beriman adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT.
- (i) Terangkan **dua** adab beribadah yang diterima oleh Allah SWT. [4 markah]
  - (ii) Apakah akibat meninggalkan adab ketika beribadat? [2 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



45  
Pendidikan  
Islam  
Ogos  
2012

**JABATAN PELAJARAN PERAK**

---

**JADUAL SPESIFIKASI ITEM**  
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SELARAS NEGERI PERAK 2012**  
**PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR) 2012**

---

---

**PENDIDIKAN ISLAM**

**KERTAS 1**

**Lihat sebelah**  
**SULIT**

---

**Jadual Spesifikasi Ujian ini mengandungi 03 halaman bercetak .**

SKEMA JAWAPAN			
1	(a)	(i)	Maksud perkataan bergaris: - Kelaparan/Kebuluran - Orang-orang yang sabar  (2 isi x 1m =2 m)
		(ii)	Jenis-jenis musibah Allah SWT kepada manusia: - Perasaan takut dan gerun kepada musuh. - Kelaparan atau kebuluran . - Kematian atau kehilangan orang yang disayangi. - Kekurangan hasil tanaman. - Kegawatan ekonomi.  (2 isi x 1m= 2 m)
		(iii)	Lafaz yang perlu ducapkan apabila ditimpa musibah  <div style="text-align: center;"> <p>إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ</p> </div> # Menulis ayat di atas menggunakan tulisan rumi diterima # Inna lillahi wa inna ilaihi raaji'un – 1 markah  (1 isi x 2 m =2 m)
		(iv)	Dua sebab Allah SWT menguji manusia dengan musibah: - Untuk menguji keimanan dan ketakwaan hambaNya. - Untuk melahirkan mukmin yang tabah dan gigih menghadapi cabaran. - Untuk mendidik hambaNya supaya redha dengan dugaan kehidupan. - Supaya manusia sentiasa muhasabah diri dan memperbaiki kelemahan.  (2 isi x 2 m = 4 m)
		(v)	Dua kelebihan manusia yang berjaya menghadapi musibah: - Dipandang mulia oleh Allah SWT. - Sentiasa memperoleh rahmat kurnian Allah SWT. - Kehidupannya menjadi tersusun dan teratur. - Tidak mudah melatah bila menerima musibah. - Tidak berputus asa bahkan menjadikannya redha dan sabar.  (2 isi x 1 m = 2 m)
	(b)	(i)	Dua contoh ilmu yang perlu dikuasai pada masa kini: - Teknologi maklumat - Ilmu kejuruteraan - Bidang kedoktoran dan kejururawatan - Bidang bio teknologi - Bidang ekonomi - Bidang rekacipta  (2 isi x 1 m = 2 m)

		(ii)	<p>Cara menunjukkan kecintaan kepada ilmu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Belajar bersungguh-sungguh tanpa mengenal jemu/penat lelah.</li> <li>- Berusaha mengulang kaji pelajaran.</li> <li>- Sentiasa menghadiri majlis ilmu/forum/seminar/wacana ilmu.</li> <li>- Sanggup menghabiskan wang semata-mata untuk membeli buku.</li> <li>- Rajin melayari laman web untuk mencambahkan minda.</li> </ul>	(1 isi x 2 m = 2 m)
		(iii)	<p>Dua faedah menuntut ilmu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hidup mulia dan dihormati.</li> <li>- Berdaya maju dan setanding dengan bangsa lain.</li> <li>- Dapat membezakan antara kebenaran dan kebatilan.</li> <li>- Mengangkat martabat agama ,bangsa dan Negara.</li> <li>- Dapat membangunkan ekonomi umat Islam.</li> <li>- Dapat berbakti kepada masyarakat dan negara.</li> </ul>	(2 isi x 1 m = 2 m)
		(c)	<p>Jawi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) فلاجر يڠ برصفة احسان</li> <li>ii) دشن اخلاص دان برسوڠكوه</li> <li>iii) سسواتو يڠ داوسهاكن ايت</li> <li>iv) كشد ديرى دان اورغ لائين</li> </ul>	(4 isi x 1 m = 4 m)
2	(a)	(i)	<p>Maksud perkataan bergaris:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Waktu siang</li> <li>- Beri rezeki</li> </ul>	(2 isi x 1 m =2 m)
		(ii)	<p>Maksud sunnatullah ialah cara dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua kejadian.</p>	(2 isi x 1 m = 2 m)
		(iii)	<p>Dua tanda kekuasaan Allah SWT dalam ayat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menukarkan malam kepada siang.</li> <li>- Menukarkan siang kepada malam.</li> <li>- Mematikan yang hidup.</li> <li>- Menghidupkan yang mati.</li> <li>- Memberikan rezeki.</li> </ul>	(2 isi x 1 m = 2 m)
		(iv)	<p>Cara mengisi masa lapang pada waktu siang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Belajar dengan penuh kesungguhan dan ketekunan.</li> <li>- Mengulang kaji pelajaran di rumah /di pusat tuisyen.</li> <li>- Mengikuti aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum di sekolah.</li> <li>- Berjoging atau melakukan aktiviti riadah.</li> <li>- Membantu ibu bapa mengurus kerja rumah spt menyiram pokok.</li> <li>- Bersiar-siar bersama keluarga di taman /di pusat membeli belah.</li> </ul>	(2 isi x 2 m = 4 m)

	(b)	(i)	Dua cara mencegah kemungkaran selain hati: - Mengubah dengan tangan /kuasa. - Mengubah dengan lidah/nasihat @bimbingan.	(2 isi x 1 m = 2 m)						
		(ii)	Peranan hati dalam mencegah kemungkaran: - Membenci kemungkaran tersebut. - Berazam tidak melakukan perkara mungkar. - Berharap pada suatu ketika nanti dapat mencegahnya dgn lisan atau kuasa.	(1 isi x 2 m = 2 m)						
		(iii)	Perkara yang berlaku kepada masyarakat sekiranya kemungkaran terhapus. - Kerukunan rumahtangga masyarakat terjamin. - Masyarakat bersatu padu/bekerjasama. - Masyarakat hidup harmoni /tanpa diganggu.	(1 isi x 2 m = 2 m)						
	(c)		Jawi سسأورغ يڠ منجوتوهي رسول سوده تننو / اكن مميلقي صفة ٢ تربايق يڠ اكن ميريكن / كليهن كشدن دالم ملاكوكن اكنيويي سهارين / سفرتي برتغكوغجواب، تابه دان قوات براوسها.	Betul 1 - 4 = 1m 5 - 8 = 2m 9 - 12 = 3m 13 - 16 = 4 m Perkataan berulang dikira sekali sahaja (4 isi x 1 m = 4 m)						
3	(a)	(i)	Dua bukti menunjukkan Allah SWT bersifat dengan sifat Al-Rahman - Akal fikiran yang cerdas - Tubuh badan yang sihat - Rezeki yang melimpah ruah - Kejadian alam yang penuh dengan nikmat - Kitab al-Quran sebagai panduan - Rasul sebagai pembimbing ke arah kebenaran	2 isi x 1 m = 2 m						
		(ii)	Dua amalan yang bercanggah dengan sifat Al-Rahman - Berputus asa dengan rahmat Allah SWT - Bersikap kejam dengan makhluk Allah SWT - Bersifat bakhil dengan nikmat yang dikurniakan Allah SWT - Percaya bahawa kekayaan adalah hasil usaha sendiri dan bukan daripada Allah SWT	2 isi x 1 m = 2 m						
		(iii)	Dua perbezaan antara sifat Al-Rahman dengan Al-Rahim <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%;">Al-Rahman</th> <th style="width: 50%;">Al-Rahim</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Untuk semua hamba Allah SWT</td> <td>Untuk orang beriman sahaja</td> </tr> <tr> <td>Untuk nikmat di dunia sahaja</td> <td>Untuk nikmat di dunia dan di akhirat</td> </tr> </tbody> </table>	Al-Rahman	Al-Rahim	Untuk semua hamba Allah SWT	Untuk orang beriman sahaja	Untuk nikmat di dunia sahaja	Untuk nikmat di dunia dan di akhirat	2 isi x 2 m = 4 m
Al-Rahman	Al-Rahim									
Untuk semua hamba Allah SWT	Untuk orang beriman sahaja									
Untuk nikmat di dunia sahaja	Untuk nikmat di dunia dan di akhirat									

	(b)	(i)	Maksud Ihsan  Melakukan sesuatu ibadat atau pekerjaan ikhlas kerana Allah SWT	1 isi x 2 m = 2 m
		(ii)	Dua usaha menghayati sifat ihsan dalam kehidupan - Melakukan sesuatu ibadat atau pekerjaan dengan ikhlas - Melakukan amalan sebaik mungkin - Mempamerkan akhlak yang mahmudah dan berketrampilan - Mematuhi peraturan dan syariat Islam - Bersyukur dengan nikmat Allah SWT seperti solat lima waktu - Sentiasa melakukan kebaikan sesama makhluk - Mengeratkan hubungan silaturrahim - Patuh suruhan Allah SWT dan jauhi laranganNya	2 isi x 2 m = 4 m
	(c)	(i)	Golongan yang layak menerima syafaat - Orang yang melazimi membaca al-Quran - Orang yang sentiasa berselawat kepada Rasulullah saw - Orang yang menziarahi Rasulullah saw semasa hidup atau makamnya - Orang yang berdamping dengan para ulamak - Orang yang mati syahid	2 isi x 1 m = 2 m
		(ii)	Hikmah Allah SWT mengadakan syafaat - Mendorong kasih dan cinta akan Rasulullah saw / dengan membanyakkan berselawat - Menjadikan Rasulullah saw sebagai model / dengan mengamalkan sifat mulia baginda - Memuliakan para ulamak dan orang soleh/ seperti menghadiri majlis ilmu - Bukti kasih sayang Rasul dan rahmat Allah SWT / kepada umatnya atau hambanya	2 isi x 2 m = 4 m Isi = 1m Huraian = 1m
4	(a)	(i)	Dua alat yang boleh digunakan untuk menyamak kulit binatang - Tawas - Kapur sireh - Bahan kimia - Buah manjakani - Kulit kayu samak	2 isi x 1 m = 2 m
		(ii)	Cara menyamak kulit binatang - Buangkan lendir, lemak dan darah yang melekat pada kulit binatang tersebut - Kulit disamak dengan menggosokkan bahan-bahan tertentu yang boleh menghilangkan benda yang melekat pada kulit. - Dijemur hingga kering	2 isi x 1 m = 2 m

		(iii)	<p>Dua faedah menyamak kulit binatang</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menambah peluang pekerjaan kepada masyarakat dalam sektor pembuatan</li> <li>- Boleh dijadikan bahan komersial bagi meningkatkan ekonomi</li> <li>- Terjamin kebersihan peralatan yang dipakai oleh manusia</li> <li>- Boleh dimanfaatkan untuk kegunaan manusia</li> </ul>	2 isi x 2 m = 4 m																					
	(b)	(i)	<p>Dua amalan yang sunat dilakukan pada pagi hari raya</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bertakbir.</li> <li>- Mandi sunat pada pagi hari</li> <li>- Memakai pakaian yang baru dan bersih</li> <li>- Memakai wangi-wangian bagi kaum lelaki</li> <li>- Bermaaf-maafan dengan ibu-bapa dan keluarga</li> <li>- Pergi awal ke masjid dan sebaik-baiknya dengan berjalan kaki</li> <li>- Membayar zakat fitrah</li> <li>- Membanyakkan amalan bersedekah.</li> </ul>	2 isi x 1 m = 2 m																					
		(ii)	<p>Kepentingan takbir hari raya</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT</li> <li>- Meningkatkan syiar Islam</li> <li>- Mengingatnkan kita tentang kebesaran Allah SWT.</li> <li>- Memantapkan semangat perjuangan umat Islam.</li> <li>- Memantapkan iman dalam jiwa.</li> </ul>	1 isi x 2 m = 2 m																					
		(iii)	<p>Dua perbezaan di antara solat hari raya dengan solat Jumaat</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 25%;">Perkara</th> <th style="width: 35%;">Solat Hari Raya</th> <th style="width: 40%;">Solat Jumaat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Hukum</td> <td>Sunat kepada lelaki dan perempuan.</td> <td>Wajib kepada setiap lelaki mukallaf yang bermukim.</td> </tr> <tr> <td>Waktu</td> <td>Pada waktu pagi (dhuha) setiap 1 Syawal dan 10 Zulhijjah.</td> <td>Pada setiap waktu zohor setiap hari Jumaat.</td> </tr> <tr> <td>Khutbah</td> <td>Selepas solat</td> <td>Sebelum solat Jumaat</td> </tr> <tr> <td>Tempat</td> <td>Masjid, surau atau padang.</td> <td>Masjid atau surau.</td> </tr> <tr> <td>Bilangan jemaah</td> <td>Boleh dilakukan sendirian atau secara berjemaah tetapi tidak ditentukan bilangan.</td> <td>Wajib berjemaah sekurang-kurangnya 40 orang.</td> </tr> <tr> <td>Takbir</td> <td>Disunatkan takbir dan tasbih sebelum membaca al- Fatihah.</td> <td>Tiada takbir dan tasbih sebelum membaca al- Fatihah.</td> </tr> </tbody> </table>	Perkara	Solat Hari Raya	Solat Jumaat	Hukum	Sunat kepada lelaki dan perempuan.	Wajib kepada setiap lelaki mukallaf yang bermukim.	Waktu	Pada waktu pagi (dhuha) setiap 1 Syawal dan 10 Zulhijjah.	Pada setiap waktu zohor setiap hari Jumaat.	Khutbah	Selepas solat	Sebelum solat Jumaat	Tempat	Masjid, surau atau padang.	Masjid atau surau.	Bilangan jemaah	Boleh dilakukan sendirian atau secara berjemaah tetapi tidak ditentukan bilangan.	Wajib berjemaah sekurang-kurangnya 40 orang.	Takbir	Disunatkan takbir dan tasbih sebelum membaca al- Fatihah.	Tiada takbir dan tasbih sebelum membaca al- Fatihah.	2 isi x 2 m = 4 m
Perkara	Solat Hari Raya	Solat Jumaat																							
Hukum	Sunat kepada lelaki dan perempuan.	Wajib kepada setiap lelaki mukallaf yang bermukim.																							
Waktu	Pada waktu pagi (dhuha) setiap 1 Syawal dan 10 Zulhijjah.	Pada setiap waktu zohor setiap hari Jumaat.																							
Khutbah	Selepas solat	Sebelum solat Jumaat																							
Tempat	Masjid, surau atau padang.	Masjid atau surau.																							
Bilangan jemaah	Boleh dilakukan sendirian atau secara berjemaah tetapi tidak ditentukan bilangan.	Wajib berjemaah sekurang-kurangnya 40 orang.																							
Takbir	Disunatkan takbir dan tasbih sebelum membaca al- Fatihah.	Tiada takbir dan tasbih sebelum membaca al- Fatihah.																							

	(c)	(i)	Harus	1 isi x 1m = 1 m
		(ii)	Makruh	1 isi x 1m = 1 m
		(iii)	Haram	1 isi x 1m = 1m
		(iv)	Sunat	1 isi x 1m = 1m
5	(a)	(i)	Dua panglima Islam yang telah membantu Rasulullah saw dalam peristiwa Pembukaan Kota Mekah  - Saidina Ali bin Abu Talib - Saidina Sa'ad bin Ubadah - Saidina Zubair bin Al- Awwam - Saidina Khalid bin Al-Walid	2 isi x 1 m = 2 m
		(ii)	Dua strategi kejayaan Rasulullah saw dalam operasi tersebut.  - Mengemukakan tiga tuntutan terhadap Musyrikin Mekah - Tawaran keselamatan terhadap penduduk Mekah - Mendirikan khemah di siang hari - Menyalakan unggun api di malam hari	2 isi x 1 m = 2 m
		(iii)	Dua tindakan Rasulullah saw sebaik sahaja menawan Kota Mekah  - Memusnahkan berhala di sekeliling kaabah - Mengerjakan solat sunat di makam Ibrahim - Laungan azan oleh Bilal bin Rabah - Memberi ucapan pertama kepada penduduk Kota Mekah	2 isi x 2 m = 4 m
	(b)	(i)	Nama Abu Hurairah sebelum Islam - Abdu Syams	1 isi X 2 m = 2 m
		(ii)	Faktor mendorong beliau menjadi tokoh hadis terkenal - Sentiasa menghadiri majlis ilmu Rasulullah saw. - Ketekunan beliau menyebarkan hadis Rasulullah saw - Keberkatan doa Rasulullah agar mudah menghafal hadis - Sempat hidup lama selepas kewafatan Rasulullah saw - Beliau banyak menghabiskan masa di Masjidil Haram untuk menuntut ilmu - Banyak beribadat kepada Allah SWT	1 isi x 2 m = 2 m
		(iii)	Dua sikap beliau yang boleh dicontohi dalam menuntut ilmu - Tekun dan sabar menuntut ilmu - Semua ilmu dihafaz dan diulangkaji - Menyebarkan ilmu kepada orang - Sentiasa berdoa kepada Allah untuk mendapat ilmu - Patuh perintah Allah SWT - Sentiasa menjaga akhlak	2 isi x 1 m = 2 m

	(c)	(i)	( A ) - عِلْمِهِ ( B ) - كُرْسِيِّهِ ( C ) - حِفْظُهُمَا	1 m 1 m 1 m
		(ii)	( D ) - قُلُوبِنَا ( E ) - هُدًى تَنَا ( F ) - رَحْمَةً	(3 markah) 1 m 1 m 1 m (3 markah)
6	(a)	(i)	Maksud keluarga - Sanak saudara , kaum kerabat dan saudara terdekat termasuklah ibubapa, datuk, nenek, adik-beradik, bapa saudara dan emak saudara. - Yang ada pertalian darah	1 isi x 2 m = 2 m
		(ii)	Dua adab bergaul dalam keluarga - Ziarah menziarahi antara satu sama lain / supaya hubungan kekeluargaan bertambah erat. - Memberi salam apabila berjumpa / agar silaturrahim terus berkekalan. - Beradab ketika bercakap atau berbicara dengan menggunakan bahasa yang sopan / sebagai tanda hormat menghormati antara satu sama lain - Mengasih yang lebih muda dan menghormati yang lebih tua / sebagai tanda kasih sayang sesama keluarga - Nasihat menasihati kearah kebaikan / dalam melahirkan keluarga yang harmoni - Bekerjasama dalam perkara kebaikan / untuk memantapkan institusi kekeluargaan Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 isi x 2 m = 4 m Isi = 1m Huraian = 1m
		(iii)	Dua akibat tidak menjaga adab bekeluarga terhadap individu. - Jiwa tidak tenang dan tenteram - Hidup dalam kesusahan - Tersisih dari keluarga - Hidup tidak berkat - Tiada tumpuan kepada pelajaran Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 isi x 2 m = 4 m



	(b)	(i)	<p>Bahagian ibadah beserta contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ibadah wajib – solat/ puasa/ zakat/ haji</li> <li>- Ibadah sunat – zikir/ sedekah/ solat rawatib/ puasa pada isnin dan khamis/ membaca al-Quran</li> </ul>	2 isi x 2 m = 4 m
	(c)	(i)	<p>Dua adab beribadat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Niat yang ikhlas kerana Allah SWT / untuk mendapatkan keredhaanNya</li> <li>- Beribadah mengikut cara yang ditetapkan oleh syara’/ kerana ibadat yang tidak mengikut syarak tidak diterima Allah SWT.</li> <li>- Sentiasa mengharapkan ganjaran yang berterusan / dari Allah SWT untuk kebahagiaan dunia dan akhirat.</li> <li>- Melakukan ibadah dengan bersungguh-sungguh dan beretika / supaya ibadah tidak menjadi sia-sia.</li> <li>- Melakukan ibadah dengan hati yang khusyuk dan tawaduk / sebagai lambang pengabdian kepada Allah SWT.</li> <li>- Berpakaian kemas dan bersih semasa beribadah / kerana itu tuntutan agama.</li> </ul>	<p>2 isi x 2 m = 4 m Isi = 1m Huraian = 1m</p>
		(ii)	<p>Akibat meninggalkan adab ketika beribadat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ibadat tidak sempurna</li> <li>- Jauh dari rahmat Allah SWT</li> <li>- Kehidupan tidak tenang</li> <li>- Mudah terpengaruh dengan perbuatan maksiat</li> <li>- Tidak mendapat penghormatan masyarakat</li> <li>- Tidak memberi kesan terhadap pembinaan insan yang berdisiplin dan berakhlak.</li> </ul> <p>Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</p>	1 isi x 2 m = 2 m

SKEMA JAWAPAN TAMAT